

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Kadar kebolehhangkitan menurun

KKM terus guna kaedah kesihatan awam, pematuhan SOP

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kadar kebolehhangkitan COVID-19 dalam negara boleh diturunkan kepada 0.5 dalam tempoh dua minggu lagi jika tindakan kesihatan awam termasuk pematuhan prosedur operasi standard (SOP) diperkukuhkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kadar kebolehhangkitan

COVID-19 dalam negara ketika ini sudah mencatat penurunan daripada 2.2 kepada satu.

"Kita terus menggunakan kaedah kesihatan awam tetapi perlukan kerjasama semua pihak untuk memutuskan rantaian COVID-19.

"Setakat ini hasilnya baik apabila kadar kebolehhangkitan berjaya dikurangkan dan kita harap ia mampu diturunkan daripada satu kepada 0.5 dalam tempoh dua minggu susulan langkah kesihatan awam.

"Jika kadar kebolehhangkitan turun kepada 0.5, ia bermakna kes harian akan berkurangan," katanya di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya bimbang dengan laporan berlakunya mutasi pada virus COVID-19 seperti dikesan di Denmark, baru-baru ini.

"Walaupun kesannya belum diketahui, kita bimbang jika mutasi



Dr Noor Hisham Abdullah

ini berlaku. Kita kena fikir apakah kesannya dan mungkin mereka yang pernah dijangkiti terkena jangkitan semula.

"Kedua ialah kebimbangan mengenai kesan (mutasi) kepada vaksin yang sedang dibangunkan setakat ini," katanya.

Sementara itu, enam kes kematian berkaitan COVID-19 dicatatkan semalam, menjadikan jumlah

kumulatifnya kepada 300 kes.

"Kes kematian membabitkan empat lelaki dan dua wanita, dengan semua mangsa dari Sabah berusia antara 47 hingga 84 tahun.

"Mereka yang meninggal dunia mempunyai latar belakang penyakit bengkak kelenjar prostat, kencing manis, darah tinggi dan strok, kanser pangkal rahim serta parkinson," katanya.

Dr Noor Hisham turut mengumumkan empat kluster diisytiharkan tamat semalam, iaitu Kluster Rinting, Kluster Semarak, Kluster Jelok dan Kluster Sabindo.

Katanya, empat kluster baharu dilaporkan iaitu Kluster Liawan yang mencatatkan 24 kes positif setakat ini, Kluster Tatahan di Kota Kinabalu (18 kes), Kluster GK Tawau (49 kes) dan Kluster Kube di

Kota Bharu dan Tanah Merah, Kelantan dengan 10 kes positif.

Beliau berkata, kes baharu semalam kekal tiga angka dengan 869 kes positif, menjadikan jumlah kumulatif 42,050 kes di negara itu.

Katanya, jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 adalah 11,446.

"Daripada 869 kes baharu hari ini (semalam), Selangor melaporkan satu kes import jangkitan dari luar negara iaitu bu-

kan warga negara yang tiba dari Nepal.

"Sabah mencatat 397 kes atau 45.7 peratus daripada keseluruhan kes positif hari ini (semalam).

"Negeri di Lembah Klang mencatat 258 kes. Sebanyak 28 kes adalah berkaitan kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara," katanya.



BH TV

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

## KKM teliti laporan ujian klinikal fasa 3

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) perlu menganalisis laporan ujian klinikal fasa ketiga setiap vaksin yang sedang dibangunkan pelbagai pihak ketika ini, sebelum membuat sebarang pembelian untuk kegunaan rakyat bagi mencegah COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ketika ini ada 11 vaksin untuk COVID-19 yang berada dalam fasa ketiga ujian klinikal, tetapi KKM belum mendapat laporan mengenainya.

"Kami berharap untuk mendapatkan laporan itu bagi menganalisis bagi melihat aspek keselamatan serta keberkesanan setiap vaksin berkenaan," katanya pada sidang media harian CO-

VID-19, di sini, semalam.

Beliau mengulas pengumuman syarikat farmaseutikal gergasi Amerika Syarikat (AS), Pfizer, bahawa vaksin COVID-19 yang sedang dibangunkannya berjaya mencatatkan keberkesanan lebih 90 peratus.

Dr Noor Hisham berkata, KKM sebelum ini pernah membuat keputusan tidak mendapatkan vaksin bagi Denggi, biarpun sudah boleh dipasarkan berikutan timbul isu keselamatan dalam laporan ujian klinikal fasa ketiganya.

Pada masa sama, beliau berkata, KKM perlu menyediakan semua infrastruktur serta perkara berkaitan logistik sebelum

perolehan vaksin COVID-19 dapat dilaksanakan.

Katanya, ia termasuk isu bekas yang boleh menyimpan vaksin itu pada suhu negatif 80 darjah Celsius dan perkara logistik berkaitan.

Sementara itu, Felo Kanan Akademi Sains Malaysia (ASM) yang juga Perunding Penyelidik Universiti Malaya (UM), Prof Emeritus Datuk Dr Lam Sai Kit, menyifatkan pencapaian Pfizer berkenaan amat membanggakan kerana dapat membangunkan vaksin berkenaan dalam tempoh sepuluh bulan sejak awal tahun ini.

"Namun, Malaysia mungkin tidak akan mendapat akses kepada

vaksin itu dalam tempoh terdekat kerana permintaan global.

"Sementara itu, penting kepada kita untuk terus mematuhi peraturan bagi mengelak penularan COVID-19 hingga negara memperoleh akses kepada vaksin berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, keberkesanan hingga 90 peratus vaksin itu adalah khabar gembira ketika dunia kini menyaksikan kes jangkitan terus meningkat dengan bilik rawatan intensif hospital semakin penuh, manakala jumlah kematian semakin tinggi.

Katanya, seluruh dunia memerlukan vaksin itu untuk melindungi tujuh bilion penduduk daripada ancaman pandemik terbahit.



**Malaysia mungkin tidak akan mendapat akses kepada vaksin itu dalam tempoh terdekat kerana permintaan global.**

**Dr Lam Sai Kit,**  
Felo Kanan ASM/ Perunding  
Penyelidik UM



BH TV

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : DALAM NEGERI



KIRA-KIRA 200 penduduk termasuk peniaga dan warga asing yang bekerja di kilang dan tinggal di asrama di sekitar Taman Poket, Batu Maung, Pulau Pinang menjalani saringan Covid-19, semalam. - UTUSAN/AMIR IRSYAD OMAR

## 869 kes baharu, 6 kematian

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI  
utusannews@mediamulla.com

**PUTRAJAYA:** Kes harian Covid-19 yang dilaporkan semalam kekal tiga angka dengan 869 kes direkodkan menjadikan jumlah kumulatif positif sebanyak 42,050 kes.

Angka kes positif semalam antara lain turut disumbangkan daripada 50 kluster aktif termasuk empat daripadanya kluster baharu iaitu Kluster Liawan, Kluster Tatahan, Kluster GK Tawau dan Kluster Kube.

Negeri Sabah merekodkan 397 kes atau 45.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes manaka-

la sebanyak 258 kes atau 29.7 peratus disumbangkan dari kawasan di Lembah Klang.

Sebanyak 28 kes atau 3.2 peratus pula melibatkan Kluster Penjara Seberang Perai (13 kes), Penjara Kepayan (enam kes), Kluster PTS Tawau (tiga kes) serta masing-masing dua kes dari Kluster Penjara Sandakan, Kluster Rumah Merah dan Kluster GK Tawau.

Terdapat enam kes kematian berkaitan Covid-19 semalam melibatkan empat lelaki dan dua wanita berusia antara 47 hingga 84 tahun, kesemuanya di Sabah.

Kesemua mangsa meninggal dunia di Hospital Semporna, Hos-

pital Duchess of Kent dan Hospital Queen Elizabeth dengan latar belakang pelbagai penyakit.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kluster baharu yang dilaporkan semalam iaitu Kluster Liawan melibatkan daerah Keningau dengan kes indeks individu bergejala dan dimasukkan ke Hospital Keningau seterusnya, 23 kes lagi telah dikenal pasti.

"Kluster Tatahan pula di Kota Kinabalu dengan kes indeks saringan bergejala dan susulan itu, 17 lagi kes positif dikesan dan telah dimasukkan ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah,

Likas serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah Kota Kinabalu.

"Kluster GK Tawau pula dikesan di Tawau iaitu kes indeks saringan bergejala dan kemudian, 48 kes lagi dikesan positif serta dimasukkan ke Hospital Tawau," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Kube dikenal pasti di Kota Bahru dan Tanah Merah, Kelantan dengan kes indeks saringan bergejala dan susulan itu, sembilan lagi kes positif dikesan serta telah dimasukkan ke Hospital Tumpat dan Hospital Raja Perempuan Zainab II.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 869 kes positif Covid-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di negara ini sebanyak 42,050 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kes aktif dengan kebolehhajangan adalah 11,446 kes.

"Sabah terus mencatat jumlah kes tertinggi sebanyak 397 kes iaitu 45.7 peratus dan

## Sabah catat kes tertinggi 45.7%



Sehingga kini, terdapat 82 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)"

Dr Noor Hisham

sebanyak 258 kes lagi dilaporkan di Lembah Klang iaitu 29.7 peratus," katanya dalam sidang media harian Covid-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 725 kes dilaporkan pulih sepenuhnya daripada Covid-19, semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih adalah 30,304 kes atau 72.1 peratus daripada

jumlah keseluruhan.

"Sehingga kini, terdapat 82 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), yang mana 27 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Setakat jam 12 tengah hari (semalam) enam kematian dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian 300 kes," katanya.



PELAJAR Sekolah Menengah Sains Labuan (SMSL) beratur untuk menaik bas ke Lapangan Terbang Labuan dalam proses penghantaran balik melalui pengangkutan udara ke Kota Kinabalu, Sabah, semalam.

## KKM kenal pasti empat kluster baharu

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan terdapat empat kluster baharu Covid-19 dikenal pasti di Sabah dan Kelantan, hari ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, empat kluster baharu itu adalah Kluster Liawan, Kluster Tatahan, Kluster GK Tawau dan Kluster Kube.

Menurutnya, Kluster Liawan membabitkan daerah Keningau apabila kes indeks bagi kluster itu (kes ke-37,553) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 5 November lalu dan dimasukkan ke Hospital Keningau.

Beliau berkata, saringan kontak rapat mengesan 23 lagi kes positif dan kes itu dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah Keningau, Sabah.

"Kluster Tatahan pula membabitkan daerah Kota Kinabalu apabila kes indeks (kes ke-32,597) dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 1 November lalu.

"Saringan kontak rapat mengesan 17 lagi kes positif dan semua kes itu dimasukkan ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah, Likas dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah Kota Kinabalu," katanya pada sidang media harian Covid-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster GK Tawau membabitkan daerah Tawau apabila kes indeks (kes ke-12,923) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 6 Oktober lalu.

Beliau berkata, saringan kontak rapat mengesan 48 lagi kes positif dan semua mereka dimasukkan ke Hospital Tawau.

"Kluster Kube pula membabitkan Kota Bharu dan Tanah Merah di Kelantan apabila kes kluster (kes ke 40,206) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 7 November lalu.

"Saringan kontak rapat mengesan sembilan lagi kes positif dan semua kes dimasukkan ke Hospital Tumpat serta Hospital Raja Perempuan Zainab II," katanya.

## Analisis laporan ujian vaksin

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu melihat dan menganalisis laporan ujian klinikal fasa ketiga bagi setiap vaksin sedang dibangunkan ketika ini sebelum membuat sebarang pembelian vaksin Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ketika ini 11 vaksin untuk Covid-19 dalam fasa ketiga ujian klinikal dan kementerian itu belum mendapat laporan mengenai.

"Kami berharap untuk mendapatkan laporan itu

dan akan menganalisis untuk melihat aspek keselamatan serta keberkesanan vaksin itu," katanya pada sidang media harian Covid-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pengumuman syarikat farmaseutikal gergasi Amerika Syarikat (AS), Pfizer, sebelum ini bahawa vaksin Covid-19 yang sedang dibangunkannya berjaya mencatatkan keberkesanan hingga 90 peratus.

Bagaimanapun, vaksin itu perlu disimpan pada suhu -80 darjah Celsius.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Pesakit sembuh terus catatkan angka tinggi dengan 725 kes

# 869 kes, enam kematian direkod

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Kes harian negara yang dilaporkan semalam kekal tiga angka dengan 869 kes direkodkan menjadikan jumlah kes positif terkini sebanyak 42,050 kes.

Angka kes positif semalam antara lain turut disumbangkan daripada 50 kluster aktif termasuk empat daripadanya kluster baharu iaitu Kluster Liawan, Kluster Tatahan, Kluster GK Tawau dan Kluster Kube.

Negeri Sabah merekodkan 397 kes atau 45.7 peratus daripada jumlah keseluruhan manakala sebanyak 258 kes atau 29.7 peratus disumbangkan dari negeri-negeri Lembah Klang.

Sebanyak 28 kes atau 3.2 peratus pula melibatkan Kluster Penjara Seberang Perai (13 kes), Penjara Kepayan (enam), Kluster PTS Tawau (tiga) serta masing-masing dua kes dari Kluster Penjara Sandakan, Kluster Rumah Merah dan Kluster GK Tawau.

Terdapat pertambahan enam kes kematian berkaitan Covid-19



**PELAJAR Sekolah Rendah Islam Integrasi Bestari (SRIBEST), Muhammad Rayyan Wafiy Mohd. Azli belajar secara home-based learning di Taman Puncak Jalil, Kuala Lumpur semalam.** – FARIZ RUSADIO

semalam di Sabah melibatkan empat lelaki dan dua wanita berusia antara 47 hingga 84 tahun.

Kesemua mangsa meninggal dunia di Hospital Semporna, Hospital Duchess of Kent dan Hospital Queen Elizabeth dengan

latar belakang pelbagai penyakit.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kluster baharu yang dilaporkan semalam iaitu Kluster Liawan melibatkan daerah Keningau dengan kes indeks individu bergejala dan dimasukkan

ke Hospital Keningau seterusnya, 23 kes lagi telah dikenal pasti.

"Kluster Tatahan pula di Kota Kinabalu dengan kes indeks saringan bergejala dan susulan itu, 17 lagi kes positif dikesan dan telah dimasukkan ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah, Likas serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah Kota Kinabalu.

"Kluster GK Tawau pula dikesan di Tawau iaitu kes indeks saringan bergejala dan kemudian, 48 kes lagi dikesan positif serta dimasukkan ke Hospital Tawau," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Kube dikenal pasti di Kota Bahru dan Tanah Merah, Kelantan dengan kes indeks saringan bergejala dan susulan itu, sembilan lagi kes positif dikesan serta telah dimasukkan ke Hospital Tumpat dan Hospital Raja Perempuan Zainab II.

Mengenai kes import, Noor Hisham berkata, satu kes dilaporkan semalam melibatkan warga asing yang tiba dari Nepal.



## Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	869
<b>Import: 1 Tempatan: 868</b>	
• Pulih	725
• Kematian	6
• Masih dirawat	11,446
• Jumlah kes sembuh	30,304
• Jumlah Kematian	300
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>42,050</b>

Sementara itu, beliau berkata, terdapat empat kluster diisytiharkan tamat semalam iaitu Kluster Rinting di Melaka dan Johor (10 kes), Kluster Semarak di Sabah (14 kes), Kluster Jelok di Selangor dan Kuala Lumpur (lima kes) serta Kluster Sabindo di Sabah (14 kes).

## R-naught boleh turun kepada 0.5 dalam tempoh dua minggu

**PUTRAJAYA** – Kadar keboleangkitan Covid-19 atau R-naught (RO) dalam negara boleh diturunkan kepada 0.5 dalam tempoh dua minggu lagi jika tindakan kesihatan awam termasuk pematuhan prosedur operasi standard (SOP) diperkukuhkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kadar RO dalam negara pada masa ini mencatatkan 1 berbanding 2.2 sebelum ini.

"Kita akan terus menggunakan kaedah kesihatan awam tapi kita perlu kerjasama semua pihak untuk memutuskan rantaian Covid-19 dan setakat ini kita sudah menunjukkan hasil yang baik apabila kadar keboleangkitan berjaya dikurangkan.

"Harap dalam tempoh dua minggu lagi apabila kita melaksanakan dan memperkukuhkan tindakan kesihatan awam, kita mampu turunkan dari satu kepada 0.5," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Dalam pada itu, Noor Hi-



**NOOR HISHAM**

sham berkata, ketika ini terdapat 11 vaksin untuk Covid-19 berada dalam fasa ketiga ujian klinikal.

"Kementerian Kesihatan berharap untuk mendapatkan laporan itu dan menganalisis sebelum membuat sebarang pembelian," katanya ketika diminta mengulas mengenai pengumuman sebuah syarikat farmaseutikal di Amerika Syarikat bahawa vaksin Covid-19 yang sedang dibangunkannya berjaya mencatatkan keberkesanan hingga 90 peratus.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# Enam kematian dalam tempoh 24 jam

Malaysia catat 869 kes baharu, 725 kes pulih semalam

## KUALA LUMPUR

Malaysia merekodkan 869 kes baharu Covid-19 dan enam kematian dalam tempoh 24 jam lalu sekali gus mencatatkan jumlah kumulatif sebanyak 42,050 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dalam tempoh tersebut, sebanyak 725 kes pulih turut direkodkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya sebanyak 30,304 kes atau 72.1 peratus daripada jumlah ke-

seluruhan kes.

Mengenai pecahan kes semalam, katanya, Sabah terus mencatatkan jumlah tertinggi dengan 397 kes diikuti Selangor (235), Negeri Sembilan (141), Pulau Pinang (27), Kuala Lumpur (19), Perak (12), Kedah (3) dan 8 kes di Johor.

Selain itu, Kelantan mencatatkan sembilan kes, Labuan (8), Sarawak (6) dan Putrajaya (3).

Beliau berkata, kesemua kes baharu itu merupakan kes penularan dalam negara kecuali hanya satu kes import iaitu di Selangor melibatkan bukan



DR NOOR HISHAM

warganegara yang tiba dari Nepal.

Dr Noor Hisham berkata, pertambahan enam kematian berkaitan Covid-19 menjadikan jumlah kumulatif kematian 300 kes.

Kesemua kes kematian terbaharu itu direkodkan di Sabah melibatkan empat lelaki warganegara, seorang wanita warganegara dan seorang lagi wanita bukan warganegara.

Menurutnya, sehingga kini terdapat 82 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi di mana 27 kes memerlukan bantuan pernafasan. - Bernama

## KKM kesan empat lagi kluster baharu

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam mengesan empat lagi kluster baharu Covid-19 melibatkan tiga kluster di Sabah dan satu di Kelantan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, di Sabah, Kluster Liawan di Keningau memabitkan kes indeks (ke-37,553) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 5 November lepas dan telah dimasukkan ke Hospital Keningau.


"Kluster kedua di Sabah iaitu Kluster Tatahan dikesan di Kota Kinabalu memabitkan kes indeks (ke-32,597)," katanya semalam.

Katanya, Kluster ketiga pula iaitu GK Tawau dikesan di Tawau, Sabah dengan kes indeks (ke-12,923) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 6 Oktober lepas.

"Kluster Kube telah dikesan di Kota Bharu dan Tanah Merah di Kelantan yang mana kes indeks (ke-40,206) telah dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 7 November lepas," katanya.

Katanya, saringan kontak rapat telah mengesan sembilan lagi kes positif dan kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Tumpat dan Hospital Raja Perempuan Zainab II. - Bernama

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

# Health DG: We'll wait for vaccine reports first

By JOSEPH KAOS Jr  
joekaosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia will take a wait-and-see approach on the development of Covid-19 vaccines around the world before committing itself, says the Health director-general.

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the ministry would wait for reports of the clinical trials conducted on several Covid-19 vaccines to be released so they could be analysed.

He said despite there being 11 vaccines in phase three of clinical trials, so far there was no report out.

"Hopefully, we can get the reports and analyse in terms of the safety and efficacy of the vaccines.

"We hope it (the development) will be posi-

tive. We will look into the details thoroughly. "So we will wait for phase three of the clinical trial to be concluded first before we can commit," he said in his Covid-19 press briefing here yesterday.

Dr Noor Hisham was asked about the announcement by American pharmaceutical company Pfizer Inc and German biotechnology firm BioNTech that the vaccine they were developing had an efficacy rate of 90%.

He said the revelation that Pfizer and BioNTech's vaccine needed to be stored in a temperature of minus 80°C was a challenge.

"Obviously, there is a lot of logistics issues. We will need to provide the low temperature infrastructure before we can procure the vaccine.

"This is an on-going logistics evaluation.

That's why it is important that we need to review the phase three clinical trial data before we make any commitment," he said.

Citing an example, Dr Noor Hisham said Malaysia was in a similar dilemma with the vaccine for dengue.

"Once upon a time, we were looking into a dengue vaccine.

"Although it was marketable, we did not go ahead because there were issues with regards to safety during the phase three clinical trial," he said.

Dr Noor Hisham said reports of Covid-19 mutated strains found abroad was also a cause for concern to the ministry.

"In Denmark, there is a mutated Covid-19 strain found on minks. We do not know the true effects, but we are worried that if a muta-

tion was to happen, it could have an effect on the current development of vaccines worldwide.

"Another worry is that the mutation may cause those who have been infected with Covid-19 to pick up the virus again," he said.

Meanwhile, Malaysia recorded 869 new Covid-19 cases yesterday, taking total infections to 42,050. The national death toll rose to 300 with six more fatalities reported.

Dr Noor Hisham revealed that recoveries were now at 30,304, with 725 patients discharged yesterday. There are 11,446 active cases.

Currently, 82 patients are being treated at intensive care units, with 27 requiring ventilator support.

# 'No need to register if no contact'

Ismail Sabri: Only scan MySejahtera app at petrol stations if you interact with others

By RASHVINJEET S. BEDI  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Those filling up fuel at petrol stations do not need to scan the MySejahtera app as long as they don't come into contact with anyone else, says Senior Minister (Defence) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

This would include those who make electronic payments such as via credit cards or e-wallets, he said.

Similarly, those who make cash payments through the "pigeon hole" outside the store do not need to record their details.

"Because they did not have contact with anyone, they do not need to register using the MySejahtera app or register manually," he said during a press conference yesterday.

He also said those pumping their vehicle's tyres or using the automatic car wash without making contact with anyone also need not register their details.

However, those going into the convenience stores, surau, toilet or workshop at petrol stations would have to scan the MySejahtera app or register their details.

"When they are inside, they will have interaction with others such as the cashier or other customers. So they must register," he said.

There was confusion earlier following a report quoting the police as saying that anyone filling fuel at petrol stations had to scan the MySejahtera app.

Recently, there was a viral audio clip of a man who alleged that his father was slapped with a RM1,000 fine because he did not scan the MySejahtera app when refuelling his vehicle.

Ismail Sabri also said the work from home policy was extended to all states following the closure of schools nationwide.

For the public sector, the maximum attendance for offices was 30%, with the respective heads of departments determining who would be required to go in.

He said that for the industrial sector, the International Trade and Industry Ministry would announce additional information on the policy.

"However, the work from home policy will not involve informal sectors such as retail, restaurants, plantations, farming, fishing and others," he said.

Ismail Sabri said the government came up with the decision as the closure of schools and day-care centres nationwide until the end of the year had left parents with children in a difficult situation.

He also said the enhanced movement control order at Taman Mesra in Sandakan, Sabah, would be extended for another 14 days to Nov 24.

The Defence Minister said the Health Ministry had conducted screening on 1,124 people with 134 positive cases detected within the locality.

Of those who tested positive, 43 have recovered with 91 cases still active.

He also said police took action against 341 individuals who violated the standard operating procedure such as not observing social distancing and not wearing face masks.



Watch the video  
TheStarTV.com



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Covid toll hits 300 with six new deaths, 869 cases

**KUALA LUMPUR:** New Covid-19 cases in Malaysia remained at three digits, with 869 cases and six deaths reported yesterday, bringing the total number of cases to 42,050.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said in the 24-hour period up to noon yesterday, 725 patients had recovered, raising the cumulative figure for recoveries to 30,304, or 72.1% of the total number of positive cases.

He said Sabah continued to record the most number of cases with 397, followed by Selangor (235), Negri Sembilan (141), Penang (27), Kuala Lumpur (19), Perak (12), Kedah (13) and Johor (eight).

Apart from this, Kelantan recorded nine cases, Labuan had eight, Sarawak with six and

Putrajaya had three.

All the new cases were local transmissions, except for an imported case in Selangor involving a foreigner who arrived from Nepal. The six fatalities pushed the Covid-19 death toll to 300.

The latest deaths were all reported in Sabah, involving four Malaysian men, a Malaysian woman and a foreign woman, he added.

Noor Hisham said 82 positive cases were being treated in intensive care units, with 27 requiring ventilator support.

Meanwhile, four new Covid-19 clusters – three in Sabah and one in Kelantan – were identified yesterday.

The Liawan cluster in Keningau, Sabah involved an index case identified as positive

following the screening of symptomatic individuals on Nov 5 and has been admitted to the Keningau Hospital.

The second cluster in Sabah, the Tatahan cluster, was identified in Kota Kinabalu and involved an index case who tested positive following screening of symptomatic individuals on Nov 1.

The GK Tawau cluster was the third cluster detected in Sabah, with the index case testing positive following screening of symptomatic individuals on Oct 6.

The Kube cluster was identified in Kota Baru and Tanah Merah in Kelantan, with the index case identified as positive following screening of symptomatic individuals on Nov 7. – Bernama